

11 AUG 2000
MTUC-Majikan

MTUC MINTA KERAJAAN WAJIBKAN SKIM PENAMATAN PERKHIDMATAN

KOTA BAHARU, 11 Ogos (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menggesa kerajaan mewajibkan penubuhan Skim Penamatan Perkhidmatan (SPP) kepada syarikat swasta berikutan keengganan mereka melaksanakan skim itu setelah lebih empat tahun ia dicadangkan.

Presiden MTUC, Senator Datuk Zainal Rampak berkata SPP wajar ditubuhkan demi melindungi kepentingan pekerja sekiranya syarikat mereka ditutup seperti yang berlaku ketika kegawatan ekonomi yang lepas.

"MTUC dah hilang sabar dengan keengganan para majikan melaksanakannya setelah sekian lama sedangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Kesatuan Pekerja-Pekerja Pengangkutan Semenanjung Malaysia (TWU) cawangan Kelantan/Terengganu di sini, malam tadi.

Zainal berkata MTUC sanggup menurunkan kadar caruman daripada RM1 yang dicadangkan kepada 50 sen sahaja bagi majikan dan pekerja jika majikan merasakan kadar cadangan asal itu terlalu tinggi.

"MTUC akan bagi masa sedikit sahaja lagi kepada majikan itu dan jika enggan kita akan minta kerajaan mewajibkan SPP dan jika tidak MTUC akan mencari jalan lain," katanya.

Katanya, menerusi SPP caruman dibuat melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan caruman itu boleh dikeluarkan oleh pekerja setelah tiga bulan syarikat mereka ditutup sekiranya masih belum mendapat pekerjaan.

Mereka bagaimanapun mestilah memohon pekerjaan baru dengan Jabatan Buruh dan sekiranya mereka menolak sebarang tawaran bekerja, secara automatiknya caruman itu tidak boleh diberikan kepada mereka, katanya.

"MTUC tidak mahu melihat seramai 9.5 juta tenaga pekerja diabaikan seperti yang berlaku ketika kegawatan ekonomi di Pulau Pinang dan Johor setelah syarikat ditutup," katanya.

Sementara itu, Zainal yang juga Setiausaha Agung TWU menolak cadangan penggabungan Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan (SKMK) dengan konsortium Transnasional yang dijangka selesai akhir tahun ini.

Beliau berkata ini kerana penggabungan itu dikhuatiri akan menjejaskan pendapatan pukal SKMK dan menurutnya semua semua pekerja SKMK telah menandatangani memorandum bantahan untuk diserahkan kepada pengurusan MARA Holdings.

Katanya, beliau akan bertemu dengan Pengerusi Eksekutif MARA Holdings Datuk Mohd Nadzmi Salleh berhubung perkara itu dan berharap jalan penyelesaian akan dapat dicapai.

-- BERNAMA
ZI RHM